



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

**KENYATAAN MEDIA
YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH,
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

**PELAKSANAAN
PROGRAM LARGE SCALE SOLAR BY MALAYSIA ELECTRICITY
INDUSTRY TO ATTRACT RE INVESTMENT (LSS@MEnTARI)**

Khamis, 28 Mei 2020 - Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melalui Suruhanjaya Tenaga akan menawarkan kuota solar sebanyak 1,000MW_{ac} melalui proses bidaan kompetitif di bawah Program LSS@MEnTARI atau Program *Large Scale Solar By Malaysian Electricity Industry To Attract RE Investment* bermula pada 31 Mei 2020. Ini merupakan kuota terbesar yang pernah ditawarkan di bawah Program LSS sebagai langkah Kerajaan untuk memulihkan dan merangsang ekonomi berikutan penularan wabak Covid-19 yang telah menjelaskan ekonomi negara. Ia juga bertujuan merancakkan pembangunan industri pembekalan elektrik negara khususnya industri Tenaga Boleh Bharu (TBB).

Selaras dengan hasrat Kementerian untuk memastikan pelaburan dalam bidang TBB memberi manfaat kepada rakyat tempatan serta memberikan kesan limpahan serta-merta kepada ekonomi negara, Kerajaan telah menetapkan supaya penyertaan hanya dibuka kepada syarikat-syarikat 100% milik tempatan yang diperbadankan atau didaftarkan di Malaysia. Syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia yang berminat untuk menyertai LSS@MEnTARI hendaklah memiliki sekurang-kurangnya 75% pegangan saham tempatan.

Kementerian juga telah menetapkan supaya kapasiti maksimum yang boleh dibida oleh setiap pemaju diturunkan kepada 50MW_{ac} berbanding 100MW_{ac} dalam Program *Large Scale Solar Pusingan Ketiga* (LSS-3) bagi membuka peluang kepada lebih ramai penggiat industri solar tempatan untuk turut serta dalam bidaan ini. Untuk tujuan tersebut, dua pakej akan ditawarkan seperti berikut:

- **Pakej 1** dengan jumlah kuota yang ditawarkan sebanyak 500MW_{ac}. Bagi pakej ini, julat kapasiti yang ditawarkan ialah di antara 10MW_{ac} hingga kurang daripada 30MW_{ac}; dan
- **Pakej 2** dengan jumlah kuota yang ditawarkan sebanyak 500MW_{ac}: Bagi pakej ini, julat kapasiti yang ditawarkan ialah di antara 30MW_{ac} hingga 50MW_{ac}.

Kapasiti maksimum yang boleh dibida oleh setiap pemaju ialah 50MW_{ac} dan setiap pemaju hanya boleh mengemukakan tidak lebih daripada 3 bidaan sahaja. Melalui penawaran 2 pakej ini, Kementerian berharap agar lebih banyak syarikat tempatan, sama ada yang kecil mahupun yang besar, dapat turut serta dalam membangunkan industri solar negara. Pada masa yang sama, Kementerian yakin pembida-pembida akan dapat menawarkan harga yang kompetitif melalui proses bidaan ini.

Selaras dengan hasrat Kementerian agar LSS@MEnTARI ini akan dapat merancakkan semula ekonomi negara secepat mungkin, tempoh serahan dokumen bidaan telah dipendekkan kepada 3 bulan berbanding 6 bulan sebelum ini bagi memastikan pelaksanaan projek-projek solar ini dapat dimulakan dengan segera iaitu sebelum penghujung tahun 2020.

Melalui pelaksanaan Program LSS@MEnTARI ini, Kementerian menjangkakan pelaburan sebanyak RM4 bilion akan dijana dengan pembukaan 12,000 peluang pekerjaan kepada tenaga kerja tempatan. Loji-loji jana kuasa solar di bawah Program LSS@MEnTARI ini dijangka mula beroperasi selewat-lewatnya pada 31 Disember 2023.

Bagi menerangkan dengan lebih lanjut mengenai Program LSS@MEnTARI ini, Suruhanjaya Tenaga akan mengeluarkan kenyataan media pada 29 Mei 2020.

**YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

28 MEI 2020